

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : SELASA, 17 MAC 2015
RUJUKAN : L3 [PR-1331-L65558]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan peniaga-peniaga warga asing yang mula bertapak dan bertambah di Kuala Lumpur dan apakah tindakan penguatkuasaan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pada dasarnya pihak Kementerian melalui DBKL tidak mengeluarkan lesen penjajaan kepada warganegara asing dan peraturan ini tertakluk di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai WPKL 1989.

Sehubungan itu, DBKL boleh mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana individu atau kumpulan warganegara asing yang bertindak sebagai penjaja di Kuala Lumpur dengan mengambil tindakan sitaan terhadap barangan mereka. Sekiranya terdapat penjaja tempatan yang melantik warganegara asing sebagai pembantu, DBKL turut mengambil tindakan dengan membatalkan lesen mereka serta-merta.

Berdasarkan statistik mulai tahun 2014 dan sehingga Januari 2015, sebanyak 5,953 tindakan sita telah diambil ke atas warganegara asing yang menjadi penjaja. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,744 tindakan sita ke atas penjaja warganegara asing yang menjalankan perniagaan di kawasan Bukit Bintang. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 135 penjaja telah dibatalkan lesen penjaja kerana melantik pembantu warganegara asing dan 47 daripadanya adalah di Jalan Petaling.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang jua, pihak Kementerian sentiasa mengambil serius dalam isu penjaja warga asing ini dan memastikan aktiviti pemantauan serta tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja warganegara asing dibuat dari masa ke semasa.